

USIM tuan rumah Konvensyen KIK 2015

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipilih sebagai tuan rumah bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat universiti awam pada tahun ini.

Program tahunan utama yang dinantikan oleh universiti awam sejak tahun 2004 itu diadakan selama tiga hari bermula esok di Dewan Besar USIM di sini.

Ketua Unit Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd. Zaini Oth-

man berkata, sebanyak 39 pasukan bakal menyertai konvensyen KIK kali ini antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

“Terdapat dua kategori dipertandingkan iaitu kategori Pengurusan dengan 21 penyertaan dan Kategori Teknikal pula sebanyak 18 penyertaan,”

kata beliau di sini semalam.

Memasuki edisi ke-11, konvensyen ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan padu daripada pengurusan universiti berdasarkan jumlah penyertaan dan kualiti yang meningkat setiap tahun.

Konvensyen KIK kali ini menawarkan hadiah wang tunai RM6,000 kepada pemenang pertama, RM4,000 (tempat kedua), RM2,000 (tempat ketiga) berserta trofi dan sijil penghargaan.